

Bab 3 : Kelestarian Alam Sekitar

Subtopik 3.1: Pencemaran Alam Sekitar

Latihan 1

Padankan dengan betul pencemaran alam sekitar dengan penjelasannya.

**PENCEMARAN
UDARA**

Disebabkan oleh **bahan buangan** sama ada dalam bentuk **cecair atau pepejal** yang terdiri daripada pencemar organik, kimia atau fizik. Contohnya, Penggunaan baja dan racun serangga yang **berlebihan**.

**PENCEMARAN
TERMA**

Pembakaran bahan api fosil dan biojisim, gas ekzos daripada alat atau kenderaan bermotor. Pencemaran ini boleh terjadi secara semula jadi (pembakaran hutan/letusan gunung berapi) atau dengan buatan manusia (kenderaan bermotor).

**PENCEMARAN
TANAH**

Peningkatan lapisan **gas karbon dioksida** di atmosfera menghalang sebahagian daripada tenaga haba matahari yang terpantul dari permukaan Bumi daripada terlepas ke angkasa lepas.

PENCEMARAN AIR

Bahan kimia yang digunakan dalam pertanian seperti baja kimia dan racun perosak. Fosfat dan nitrat dalam baja mencemarkan sumber air dan **menyebabkan pertumbuhan alga yang pesat** di dalam air.

HUJAN ASID

Parameter pencemaran air yang diukur untuk menentukan tahap pencemaran air /jumlah **oksigen** terlarut yang diperlukan oleh **mikroorganisma** seperti bakteria untuk menguraikan bahan **organik** di dalam sumber air.

**KESAN RUMAH
HIJAU**

Pembebasan gas berasid seperti **sulfur dioksida** dan **nitrogen dioksida** yang larut dalam air hujan akan menjejaskan sistem respirasi, merendahkan pH air di sungai, merendahkan pH tanah serta menyebabkan tanah tidak subur.

EUTROFIKASI

Disebabkan oleh **pembebasan haba yang berlebihan** ke persekitaran seperti penyahutan, aktiviti perindustrian dan pembakaran bahan api

**BIOCHEMICAL
OXYGEN DEMAND
(BOD)**

- **air sisa**
- sisa domestik seperti detergen dan kumbahan
- sisa pepejal seperti sampah sarap
- bahan buangan industri seperti gris, logam berat, bahan sisa radioaktif.